

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN ANTOLOGI PUISI CAKERAWALA
NUSANTARA, DI TINGKAT 1, MENARA MAYBANK
7 APRIL 1999

Syukur kita semua kehadiran Allah s.w.t. kerana berkat rahmat dan hidayah-Nya kita dapat bertemu dalam majlis yang gilang gemilang ini. Seterusnya ucapan ribuan terima kasih saya kepada MAYBANK kerana menjemput saya untuk bersama-sama dalam majlis malam ini dan diberi penghormatan untuk berucap.

2. Bagi saya majlis pada malam ini adalah sebuah majlis yang amat bermakna. Banyak orang mempunyai tanggapan bahawa organisasi kewangan yang besar seperti MAYBANK ini hanya menghitung untung rugi dalam perniagaan mahupun dalam pelaburannya sahaja. Majlis malam ini adalah bukti sah dan jelas bahawa organisasi kewangan kita tidak hanya menghitung bahawa kejayaan dan kebahagiaan hidup manusia dan insan di dunia ini hanya bergantung kepada wang, dan kepada kebendaan semata.

3. Apa yang berlangsung pada malam ini adalah bukti yang menunjukkan bahawa bagi mencapai kebahagiaan hidup, aspek kebendaan, material dan aspek bukan kebendaan iaitu moral dan spiritual mestilah sama seiring serta seimbang. Penekanan yang melebihi mana- mana satu aspek tersebut boleh menjadikan hidup kita tidak seimbang dan jika berlaku keadaan yang tidak seimbang tidak mungkin manusia mencapai kebahagiaan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

4. Majlis malam ini juga cukup bermakna kerana mengumpulkan para karyawan, seniman, penyair dan budayawan pada satu pihak, sementara satu pihak lagi ialah para ahli korporat dari dunia dagang. Pertemuan ini tentunya menjalinkan silaturahim. Talian silaturahim yang berterusan tentunya akan melahirkan sesuatu yang bermanfaat untuk bangsa dan negara kita. Insya Allah.

5. Kejayaan ahli korporat dan dagang tidak akan kekal jika tanpa dicatat dan dirakamkan oleh para seniman. Namun seniman bukan sahaja hanya merakam suara hati nurani bangsa dan zamannya. Lebih daripada itu seniman juga - sama ada penyair, pelukis, novelis, cerpenis, dan sebagainya - adalah juga pentafsir zaman dan bangsa serta masyarakatnya. Seniman tidak hidup dalam satu kekosongan.

6. Sejarah membuktikan bangsa Melayu tidak akan mengetahui kecemerlangan masa lalunya, begitu juga masa gelap dan kejatuhannya jika tidak dirakamkan oleh Tun Sri Lanang dalam sejarah Melayu. Sejarah Melayu juga merakamkan dengan jelasnya kecemerlangan dunia dagang di Melaka. Ini sekali lagi membuktikan pentingnya kerjasama dan saling berinteraksi antara dua kelompok yang berbeza ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Langkah MAYBANK ikut terlibat secara terancang dalam dunia yang bukan dagang melalui mengadakan Balai Seni MAYBANK dengan pelbagai pameran dari semasa ke semasa; langkah bijak dan inisiatif yang diambil MAYBANK menerbitkan antologi suara rasa yang mengisi kumpulan karya penyair dan pelukis Malaysia adalah satu

usaha yang sewajarnya diberikan ucapan tahniah dan terima kasih yang setinggi-tingginya.

8. Ucapan tahniah dan syabas sekali lagi kepada MAYBANK kerana usaha pertama menerbitkan suara rasa itu tidak terhenti setakat itu sahaja. Usaha yang terancang serta efisien selari dengan komitmennya terbukti lagi pada malam ini, apabila sekejap lagi akan dilancarkan pula antologi puisi yang diberi nama cakerawala nusantara. Saya difahamkan di dalam antologi ini terkumpul puisi pilihan dari Malaysia, Singapura, Indonesia dan Brunei Darussalam.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

9. Di hadapan kita sedang menunggu satu alaf yang penuh cabaran. Cabaran yang memerlukan kita sentiasa berada dalam situasi yang bersiap sedia untuk menghadapinya. Cabaran itu bukan sahaja dalam bidang ekonomi, perdangan dan politik tetapi juga dalam bidang kebudayaan. Cabaran bagi para seniman dalam bidang apapun sekalipun, cabarannya tetap besar. Banyak peristiwa yang berlaku pada hari ini memerlukan tafsiran para seniman kita. Segala kuasa yang bergerak dalam masyarakat memerlukan ketajaman minda, hati nurani dan mata fikir seniman mentafsir dan memberi jalan yang harus dipilih oleh masyarakat kita. Di sinilah ketajaman sensitiviti dan kreativiti para seniman kita dituntut dan akan diuji dengan hebatnya. Semasa kita mentafsirnya, janganlah kita pula terlalu ghairah dan emosional sehingga boleh membawa kehancuran dan bencana pada masyarakat kita. Kita akui bahawa konsep kebebasan adalah menjadi asas pendirian yang amat dipertahankan oleh para seniman. Tetapi biarlah kebebasan itu mempunyai sempadan kerana kebebasan yang keterlaluan akan memberi kesan yang amat tidak baik pada masyarakat kita. Sebagai seniman, kita hendaklah bertanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

10. Cabaran seniman mutakhir tidak kurang hebat seniman silam. Dengan perkembangan teknologi yang canggih, segala peristiwa dunia dapat diketahui dengan cepat malahan dalam saat, jam dan waktu yang sama dengan kejadian peristiwa itu. Perkembangan teknologi canggih yang begitu cepat mempercepatkan lagi dinamisme masyarakat dan ini menambahrumitkan lagi kerja para seniman kita.

11. Jika para seniman kita tidak bersedia dengan segala alat kelengkapannya, yang seharusnya juga canggih untuk memasuki alaf baru itu, mereka nanti tidak mampu mentafsir dan menganalisis segala peristiwa yang berlaku dan malahan tidak akan mengerti sama sekali apakah kuasa-kuasa yang sedang bergerak dalam masyarakatnya. Apabila segala kuasa yang bergerak dalam masyarakat sama ada secara mikro dalam masyarakat kita, mahupun secara makro dalam masyarakat antarabangsa dan global tidak dapat ditafsir, pada ketika itulah peranan para seniman kita nanti akan dipersoalkan oleh anak cucu kita kemudiaan. Lagipun apakah ertinya bakat atau sifat seseorang seniman itu jika mereka tidak dapat ataupun gagal mentafsir segala kuasa yang bergerak dalam masyarakat zamannya?

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

12. Masyarakat menuntut sesuatu yang tak ternilai tinggi harganya daripada seniman. Dalam waktu yang sama, jika para seniman kita dipinggirkan oleh kita sendiri, oleh masyarakat kita, kerana masyarakat terlalu diganggu oleh tuntutan

kebendaan, lalu tidak memperdulikan kewujudan senimannya, kitapun sebenarnya berlaku tidak adil dalam hal ini terhadap seniman. Justeru itu, komitmen yang dibuat dan dilaksanakan dengan cemerlangnya oleh MAYBANK, sesuai sebagai sebuah bank terbesar di Malaysia sewajarnya disambut baik oleh semua pihak. Saya berharap inisiatif yang baik sebegini juga dilaksanakan oleh institusi kewangan ataupun bank-bank lain.

13. Kepada MAYBANK yang pada malam ini melahirkan cakerawala nusantara, saya berharap usaha cemerlang ini tidak akan berhenti hanya di situ. Jika MAYBANK mampu melahirkan suara rasa pada tahun 1993 selain pelbagai pameran di balai seni MAYBANK, dan kini muncul pula dengan cemerlangnya cakerawala nusantara, dengan adanya Dato' Usman Awang sebagai penasihat sasteranya, saya fikir tidak ada sebab MAYBANK tidak mampu melahirkan cakerawala asia dan seterusnya melahirkan pula cakerawala dunia.

14. Dengan harapan yang demikian, serta dengan lafaz: bismillahi rahmani rahim, dengan nama allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani, saya dengan sukacitanya melancarkan Antologi Puisi Cakerawala Nusantara.

Wassalam mualaikum warahmatullah taala wabarakatuh.